

KEPIMPINAN NUR AL-DIN DALAM PENGUKUHAN STRUKTUR POLITIK KERAJAAN ZANKIYYAH DI SYAM

NUR AL-DIN MAHMUD'S LEADERSHIP IN THE CONSOLIDATION OF THE ZENGID POLITICAL STRUCTURE IN BILAD AL-SHAM

Ahmad Syahid Muqri Sabri¹
Napisah Karimah Ismail^{2*}

¹ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia. (E-mail: p165918@siswa.ukm.edu.my)

² Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: napisah@ukm.edu.my)

*Corresponding author: napisah@ukm.edu.my

Article history

Received date : 7-6-2026

Revised date : 8-6-2026

Accepted date : 15-7-2026

Published date : 23-7-2026

To cite this document:

Sabri, A. S. M. & Ismail, N. K. (2026). Kepimpinan Nur al-Din dalam pengukuhan struktur politik Kerajaan Zankiyyah di Syam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (84), 618 – 629.

Abstrak: Abad ke-12M merupakan satu fasa yang penting dalam sejarah politik Islam apabila wilayah Syam berhadapan dengan perpecahan kuasa dalaman serta ancaman berterusan daripada tentera Salib. Dalam konteks tersebut, Nur al-Din Mahmud muncul sebagai pemerintah Kerajaan Zankiyyah yang memainkan peranan penting dalam membentuk kestabilan politik dan menyusun semula struktur pemerintahan di Syam antara tahun 1146 hingga 1174. Walaupun kepimpinannya sering dikaitkan dengan gerakan jihad dan pencapaian ketenteraan, peranannya dalam membina legitimasi politik, memperkukuhkan institusi pemerintahan dan mengubah hubungan kuasa di Syam masih kurang diberikan perhatian. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji latar belakang kerajaan Zankiyyah dan Nur al-Din Mahmud, menganalisis kepimpinan Nur al-Din dalam pengukuhan struktur politik serta menilai implikasi pemerintahannya terhadap dinamika politik Syam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah kajian sejarah dan analisis kandungan berdasarkan sumber primer dan sekunder yang berkaitan. Data dianalisis secara tematik, deskriptif dan naratif dengan menggunakan perbandingan historiografi bagi menilai keselarasan serta kredibiliti sumber. Dapatan kajian mendapati pengukuhan struktur politik Zankiyyah tidak hanya bergantung kepada kejayaan ketenteraan semata-mata malah ia turut dipengaruhi oleh pengiktirafan Khalifah Abbasiyyah, penginstitusian keadilan, penyusunan pentadbiran dan ketenteraan, kerjasama dengan golongan ulama serta pembangunan institusi sosial dan keagamaan. Penyatuan Aleppo dan Damsyik pada tahun 1154 juga turut menyebabkan sumber politik, kewangan dan ketenteraan dapat diselaraskan dengan lebih berkesan. Kajian ini menyimpulkan bahawa kepimpinan Nur al-Din Mahmud telah membentuk sebuah struktur pemerintahan yang lebih tersusun dan stabil serta menyediakan asas penting kepada perkembangan politik Kerajaan Ayyubiyyah selepas kewafatannya.

Kata Kunci: *Nur al-Din Mahmud; Kerajaan Zankiyyah; Syam, Transformasi Politik; Legitimasi*

Abstract: *The twelfth century CE marked a significant phase in Islamic political history, during which the region of Syria faced internal political fragmentation and persistent threats from the Crusader forces. Within this context, Nur al-Din Mahmud emerged as a ruler of the Zengid Dynasty who played a crucial role in establishing political stability and reorganising the governmental structure of Syria between 1146 and 1174 CE. Although his leadership is frequently associated with jihad movements and military achievements, his role in establishing political legitimacy, strengthening governmental institutions, and transforming power relations in Syria has received comparatively limited scholarly attention. Therefore, this study aims to examine the historical background of the Zengid Dynasty and Nur al-Din Mahmud, analyse his leadership in strengthening the political structure of the dynasty, and assess the implications of his rule for the political dynamics of Syria. This study employs a qualitative approach through historical research and content analysis based on relevant primary and secondary sources. The data are analysed thematically, descriptively, and narratively, while historiographical comparison is employed to evaluate the consistency and credibility of the sources. The findings demonstrate that the strengthening of the Zengid political structure did not depend solely on military success. It was also influenced by the recognition of the Abbasid caliph, the institutionalisation of justice, the reorganisation of administrative and military systems, cooperation with religious scholars, and the development of social and religious institutions. The unification of Aleppo and Damascus in 1154 also enabled political, financial, and military resources to be coordinated more effectively. This study concludes that Nur al-Din Mahmud's leadership contributed to the establishment of a more structured and stable system of governance, thereby laying a crucial foundation for the subsequent political development of the Ayyubid State following his demise.*

Keywords: *Nur al-Din Mahmud; Zengid Kingdom; Sham; Political Transformation; Legitimacy*

Pengenalan

Wilayah Syam pada abad ke-12M berhadapan dengan situasi politik yang kompleks apabila wujudnya ketidakstabilan politik akibat persaingan antara pemerintah tempatan, perpecahan pusat kuasa Islam serta ancaman tentera Salib. Keadaan ini secara langsung melemahkan kemampuan kerajaan Islam untuk mempertahankan wilayah dan membentuk pemerintahan yang stabil. Dalam suasana tersebut, Nur al-Din Mahmud muncul sebagai pemerintah Kerajaan Zankiyyah yang memainkan peranan penting dalam menyusun semula kekuatan politik Islam di Syam antara tahun 1146 hingga 1174. Pemerintahannya bukan sahaja membawa kepada penyatuan Aleppo dan Damsyik, malah turut memperlihatkan usaha memperkukuhkan pentadbiran, menegakkan keadilan dan membina hubungan dengan institusi keagamaan.

Dalam kajian ini, struktur politik merujuk kepada susunan institusi dan hubungan kuasa antara pemerintah, khalifah, golongan amir, tentera, ulama dan masyarakat. Legitimasi pemerintahan Nur al-Din pula dibentuk melalui hubungannya dengan Khalifah Abbasiyyah serta usaha memperkukuhkan kedudukan mazhab Sunni (Tabbaa, 2021). Mekanisme seperti khutbah, surat pelantikan rasmi dan hubungan dengan ulama menunjukkan keabsahan pemerintahannya tidak hanya bergantung kepada kekuatan ketenteraan semata-mata, tetapi turut dibina melalui pengiktirafan politik, pelaksanaan keadilan dan penerimaan masyarakat. Kajian terdahulu lebih

banyak meneliti Nur al-Din dalam konteks Perang Salib, gerakan jihad dan usaha pembebasan Bayt al-Maqdis. Hillenbrand (1999) membincangkan penentangan Islam terhadap tentera Salib manakala Sivan (1967) lebih memberikan perhatian kepada kesan sosial peperangan terhadap masyarakat Syam dan Palestin. Bakri dan Gokaru (2024) serta Daud et al. (2018) pula meneliti penyatuan wilayah, pembinaan kesedaran jihad dan persediaan geopolitik ke arah pembebasan Bayt al-Maqdis. Walaupun kajian-kajian tersebut telah membincangkan berkenaan peranan ketenteraan dan keagamaan Nur al-Din, akan tetapi dari aspek legitimasi politik, penyusunan institusi pentadbiran dan perubahan struktur kuasa pula ia masih terhad khususnya apabila aspek-aspek tersebut dianalisis sebagai satu kerangka pengukuhan struktur politik Kerajaan Zankiyyah.

Keperluan untuk meneliti aspek tersebut selaras dengan Hodgson (1974) yang menilai sejarah Islam melalui hubungan antara unsur politik, sosial, ekonomi, intelektual dan kebudayaan. Hujah ini diperkuatkan lagi dgn kajian Humphreys (1977) yang menekankan peranan struktur dinasti, pembahagian kuasa, pentadbiran dan legitimasi dalam perkembangan politik sesebuah pemerintahan. Berdasarkan pendekatan tersebut, pemerintahan Nur al-Din tidak sepatutnya dinilai melalui pencapaian ketenteraan semata-mata tetapi ia juga perlu diteliti dengan melihat kepada struktur dalaman dan mekanisme pengurusan kuasa yang menyokong autoritinya. Oleh itu, kajian terhadap kepimpinan Nur al-Din Mahmud perlu dilakukan bagi menjelaskan bagaimana aspek legitimasi politik, pentadbiran, ketenteraan dan keagamaan saling berperanan dalam pengukuhan struktur politik Kerajaan Zankiyyah.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah sejarah bagi menganalisis transformasi politik pada zaman pemerintahan Nur al-Din Mahmud dalam Kerajaan Zankiyyah di Syam antara tahun 1146 hingga 1174. Data kajian diperoleh melalui analisis kandungan terhadap sumber primer, antaranya seperti *Bughyat al-Talab fī Tārīkh Ḥalab* karya Ibn al-‘Adīm, *Al-Kāmil fī al-Tārīkh* karya Ibn al-Athīr, *al-Muntazam fī Tārīkh al-Mulūk wa al-Umam* karya Ibn al-Jawzī dan *Kitāb al-Rawḍatayn fī Akhbār al-Dawlatayn al-Nūriyyah wa al-Ṣalāhiyyah* karya Abū Shāmah. Sumber sekunder yang terdiri daripada buku, bab dalam buku, tesis dan artikel jurnal turut digunakan sebagai bahan sokongan dalam memperkukuhkan lagi perbincangan kajian. Proses kritikan sumber dilakukan melalui perbandingan silang antara catatan beberapa sejarawan bagi menilai keselarasan, perbezaan dan kredibiliti maklumat yang dikemukakan. Pendekatan ini turut digunakan untuk mengurangkan kecenderungan dalam pentafsiran sejarah. Data yang dikumpulkan kemudiannya dianalisis secara tematik, deskriptif dan naratif, di samping menggunakan pendekatan perbandingan historiografi. Kaedah ini membolehkan proses pembentukan autoriti politik, pengukuhan struktur pemerintahan dan implikasi perubahan politik dihuraikan secara sistematik selaras dengan objektif kajian.

Dapatan dan Perbincangan

Latar Sejarah Kerajaan Zankiyyah dan Kemunculan Nur al-Din Mahmud

Kerajaan Zankiyyah muncul pada awal abad ke-12M dalam suasana politik dunia Islam yang tidak stabil. Kemerosotan kekuasaan Dinasti Seljuk akibat persaingan dalaman telah menyebabkan berlakunya perpecahan kuasa di Iraq dan Syam. Pada masa yang sama, kewujudan kerajaan tentera Salib di kawasan pesisiran Syam turut memberikan tekanan terhadap kedudukan politik dan keselamatan umat Islam (Hillenbrand, 1999; Stevenson, 1907). Keadaan tersebut menyebabkan beberapa wilayah Islam diperintah secara berasingan oleh para

amir dan pemerintah tempatan, sedangkan ancaman daripada tentera Salib memerlukan kerjasama politik dan ketenteraan yang lebih tersusun untuk menghadapinya.

Dalam keadaan ini, 'Imad al-Din Zanki muncul sebagai salah seorang pemerintah yang berjaya membina asas kekuatan politik baharu di utara Syam. Setelah menguasai Mosul dan Aleppo, beliau berusaha menyatukan beberapa wilayah Islam yang sebelumnya terpisah serta membentuk kekuatan yang lebih berkesan dalam menghadapi tentera Salib (Mayer, 1988). Kejayaannya dalam menawan kota Edessa atau al-Ruha pada tahun 1144 menjadi satu daripada pencapaian terpenting dalam perkembangan awal kerajaan Zankiyyah. Penawanan tersebut bukan sahaja telah memberikan kelebihan dari sudut ketenteraan, malah turut meningkatkan keyakinan politik umat Islam setelah sekian lama berada dalam kedudukan yang defensif. Di samping itu, kejayaan tersebut turut menimbulkan reaksi besar dalam kalangan kuasa Kristian di Eropah dan menjadi antara faktor yang mendorong kepada tercetusnya Perang Salib Kedua (Runciman, 1952; Sivan, 1967).

Nur al-Din Mahmud ibn 'Imad al-Din Zanki dilahirkan sekitar tahun 511H/1118M dan dibesarkan dalam kalangan keluarga pemerintah. Kedudukan ayahandanya sebagai panglima dan pemerintah di bawah naungan Dinasti Seljuk telah memberikannya peluang untuk mempelajari pelbagai hal ehwal yang melibatkan politik, pentadbiran dan ketenteraan semenjak usia muda lagi. Walaupun sumber sejarah tidak memberikan maklumat yang terperinci tentang zaman kanak-kanaknya, beberapa catatan menunjukkan bahawa beliau sering mengikuti ayahandanya dalam urusan pemerintahan dan kempen ketenteraan. Pengalaman tersebut telah memberikan pendedahan awal tentang pengurusan wilayah, hubungan dengan para amir dan panglima serta peranan golongan ulama dalam masyarakat (Gençtürk, 2018).

Seterusnya, pembunuhan 'Imad al-Din Zanki pada tahun 541H/1146M telah membuka satu fasa baharu dalam perkembangan Kerajaan Zankiyyah. Kematian beliau secara tiba-tiba berpotensi mewujudkan kekosongan kuasa dan memberikan peluang kepada pihak lawan untuk mengambil semula wilayah yang telah dikuasai. Dalam keadaan genting tersebut, Nur al-Din segera bergerak menuju Aleppo bagi memastikan pusat pemerintahan itu kekal berada di bawah penguasaan keluarganya. Ibn al-Athīr (1987) dan Abū Shāmah (1997) sama-sama mencatatkan bahawa Nur al-Din mengambil cincin daripada jari ayahandanya selepas kematian 'Imad al-Din sebelum bergerak menuju Aleppo. Keselarasan antara kedua-dua catatan klasik tersebut menguatkan riwayat mengenai tindakan segera Nur al-Din dalam menghadapi kekosongan kuasa. Walau bagaimanapun, kedua-dua sumber tersebut lebih menumpukan kepada urutan peristiwa dan peralihan pemerintahan, sedangkan al-Sallābī (2007) memberikan tafsiran yang lebih jelas terhadap makna politik tindakan tersebut. Menurut tafsirannya, pengambilan cincin itu dapat dilihat sebagai lambang kesedaran Nur al-Din terhadap kepentingan kesinambungan kuasa dan pemeliharaan autoriti keluarga Zankiyyah di Aleppo.

Selepas kematian 'Imad al-Din Zangi, wilayah Zankiyyah dibahagikan antara dua orang puteranya. Sayf al-Din Ghazi I menguasai Mosul manakala Nur al-Din memerintah Aleppo (Stevenson, 1907; Mayer, 1988; Kütük, 2019). Pembahagian ini pada awalnya boleh membawa kepada persaingan dan perpecahan dalam kalangan keluarga pemerintah. Namun begitu, hubungan antara kedua-dua beradik tersebut pada peringkat awal dapat dikekalkan tanpa mencetuskan konflik besar yang boleh melemahkan kerajaan. Nur al-Din khususnya mengelakkan pertentangan dengan Sayf al-Din Ghazi agar perubahan kepimpinan tidak memberikan kelebihan kepada pihak lawan (Alatas, 2015; Kütük, 2019).

Pada peringkat awal pemerintahannya, Nur al-Din berusaha menstabilkan kedudukannya di Aleppo dan mempertahankan wilayah Zankiyyah daripada serangan pihak Salib yang cuba mengambil kesempatan selepas kematian 'Imad al-Din Zangi. Kejayaannya dalam menggagalkan usaha Joscelin II untuk menawan semula kota Edessa membantu mengekalkan penguasaan Zankiyyah di wilayah tersebut (Kütük, 2019). Cahen (1940) menyatakan sebelum Perang Salib Kedua, beliau telah dianggap sebagai ancaman serius kepada pihak Frank dan dilihat setanding dengan Mu'in al-Din Unur iaitu seorang pemerintah *de facto* Damsyik pada pertengahan abad ke-12M. Selepas itu, kegagalan Perang Salib Kedua kemudiannya melemahkan pihak Frank dan mendorong Nur al-Din melancarkan serangan balas dengan lebih tersusun. Potensi penyatuan Syam di bawah kepimpinannya turut digunakan oleh Mu'in al-Din sebagai tekanan strategik terhadap pihak Frank. Kedudukan Nur al-Din semakin kukuh selepas kemenangannya terhadap pasukan Antioch pada tahun 1149 yang menyaksikan kematian Raymond of Poitiers (Gençtürk, 2018).

Pembentukan kuasa politik Nur al-Din turut dilakukan melalui hubungan diplomatik. Perkahwinannya dengan 'Ismat al-Din Khatun, puteri kepada Mu'in al-Din Unur yang mempunyai kedudukan penting dalam pemerintahan Damsyik, membantu merapatkan hubungan antara Aleppo dengan Damsyik (Ibn al-Qalānisī, 1980). Hubungan ini penting kerana Damsyik merupakan pusat politik, ekonomi dan ketenteraan yang strategik di wilayah Syam. Walau bagaimanapun, penguasaan Nur al-Din terhadap bandar tersebut tidak berlaku secara serta-merta sebaliknya melalui proses politik yang berhati-hati bagi mengelakkan sebarang konflik terbuka yang boleh menjejaskan penduduk Islam.

Pada tahun 1154 pula, Nur al-Din akhirnya berjaya menguasai Damsyik dan menyatukannya dengan Aleppo. Penyatuan kedua-dua bandar ini menjadi titik penting dalam perkembangan Kerajaan Zankiyyah kerana membolehkan sumber kewangan, tenaga manusia dan kekuatan ketenteraan diselaraskan dengan lebih tersusun (Tabbaa, 2021; Gençtürk, 2018). Kedudukannya tidak lagi terbatas sebagai seorang pemerintah Aleppo tetapi telah berkembang sebagai kuasa utama di Syam. Penyatuan tersebut juga membantu mengurangkan persaingan antara pusat-pusat pemerintahan Islam dan meningkatkan kemampuan kerajaan Zankiyyah menghadapi ancaman daripada tentera Salib.

Setelah kedudukannya di Syam semakin kukuh, Nur al-Din mula memberikan perhatian kepada perkembangan politik di Mesir. Menurut Daud et al. (2018), Mesir mempunyai kepentingan geopolitik yang besar kerana penyatuannya dengan Syam membolehkan kerajaan tentera Salib ditekan dari arah utara dan selatan. Melalui beberapa kempen yang dipimpin oleh panglimanya, Asad al-Din Shirkuh, pengaruh Zankiyyah di Mesir dilihat semakin berkembang. Selepas kematian Shirkuh, Salah al-Din al-Ayyubi telah dilantik sebagai wazir pada tahun 1169. Dengan berakhirnya pemerintahan Fatimiyyah pada tahun 1171 disebabkan oleh Salah al-Din al-Ayyubi kemudiannya membawa Mesir kembali mengiktiraf Khalifah Abbasiyyah dan mengubah keseimbangan politik di rantau tersebut (Hillenbrand, 1999).

Selain itu, Nur al-Din memerintah sehingga kewafatannya pada tahun 569H/1174M. Pada waktu tersebut, beliau telah membentuk sebuah kerajaan yang lebih luas dan stabil berbanding keadaan yang diwarisinya pada tahun 1146. Walaupun kewafatannya membawa perubahan terhadap susunan kuasa di Syam, asas penyatuan wilayah yang dibangunkan sepanjang pemerintahannya terus mempengaruhi perkembangan politik selepasnya. Struktur kuasa, jaringan ketenteraan dan hubungan antara Syam dengan Mesir yang dibentuk pada era

Zankiyyah kemudiannya menjadi landasan penting kepada perkembangan Kerajaan Ayyubiyyah di bawah kepimpinan Salah al-Din al-Ayyubi.

Kepimpinan Nur al-Din dalam Pengukuhan Struktur Politik

Kajian terdahulu seperti Hillenbrand (1999) dan Sivan (1967) banyak menilai kepimpinan Nur al-Din Mahmud melalui pencapaian ketenteraan dan peranannya dalam perkembangan gerakan jihad pada abad ke-12M. Penekanan ini penting kerana pemerintahannya berlangsung ketika Syam menghadapi ancaman tentera Salib dan persaingan antara pemerintah tempatan. Namun begitu, kekuatan Kerajaan Zankiyyah bukan sahaja terbina melalui kemenangan ketenteraan, malah dipengaruhi oleh kewibawaan peribadi, pengiktirafan politik, pelaksanaan keadilan, penyusunan pentadbiran dan tentera serta pembangunan institusi sosial dan keagamaan. Gabungan unsur tersebut membolehkan pemerintahannya diterima oleh tentera, ulama, pegawai kerajaan dan masyarakat umum.

Ibn al-Athīr (1987), Ibn al-‘Adīm (1988), Ibn al-Jawzī (1992) dan Abū Shāmah (1997) secara umumnya menggambarkan Nur al-Din sebagai pemerintah yang adil, amanah dan berdisiplin. Walau bagaimanapun, Ibn al-Athīr (1987) lebih banyak menghubungkan sifat peribadinya dengan perkembangan politik dan ketenteraan Kerajaan Zankiyyah. Ibn al-Jawzī (1992) pula menekankan kesolehan, keadilan dan hubungannya dengan ulama, manakala Abū Shāmah (1997) meletakkan pemerintahannya dalam kesinambungan politik dan keagamaan Sunni yang diteruskan oleh Salah al-Din al-Ayyubi. Perbezaan ini menunjukkan kepimpinan Nur al-Din dinilai berdasarkan sudut pandang dan tujuan penulisan setiap sejarawan. Catatan al-Dhahabī (1985) turut menonjolkan ketekunan Nur al-Din dalam beribadah, kesederhanaan hidup dan sikap menjauhi sifat takbur. Gambaran ini selari dengan Abū Shāmah (1997) dan Ibn al-Jawzī (1992) sekali gus menunjukkan reputasi moralnya mendapat perhatian dalam historiografi Islam. Namun, catatan tersebut perlu dinilai secara berhati-hati kerana para pengarang menulis dalam lingkungan keilmuan Sunni yang menjadikan keadilan dan kesolehan sebagai ukuran kewibawaan pemerintah. Oleh itu, ketakwaan Nur al-Din bukan sekadar berkaitan kehidupan peribadinya, malah menjadi asas kepada legitimasi politik.

Dalam tradisi pemerintahan Islam pula, kewibawaan pemerintah tidak hanya ditentukan oleh faktor keturunan, kekuatan tentera atau keluasan wilayah tetapi turut melalui keupayaan menjalankan amanah, menegakkan keadilan dan menjaga kepentingan masyarakat. Hal ini selari dengan al-Māwardī (1996) yang menegaskan bahawa keadilan dan integriti pemerintah merupakan asas kestabilan pemerintahan. Dalam konteks Nur al-Din, ketegasan dan disiplinnya disertai kehidupan sederhana serta sikap berhati-hati dalam menguruskan harta awam. Abū Shāmah (1997) mencatatkan bahawa Nur al-Din tidak menggunakan sumber kerajaan secara sewenang-wenangnya bagi kepentingan peribadi. Sikap tersebut membina kepercayaan masyarakat, ulama dan pegawai pentadbiran, sekali gus memperkukuhkan kedudukan politiknya dalam suasana Syam yang tidak stabil.

Kewibawaan moral tersebut dilengkapi dengan pembentukan legitimasi politik yang lebih rasmi. Nur al-Din mengekalkan hubungan dengan Khalifah Abbasiyyah melalui penyebutan nama khalifah dalam khutbah Jumaat, penerimaan taqlid atau surat pelantikan, pemberian *khil‘ah* dan pengeluaran *manshur*. Mekanisme ini bukan sekadar simbol tetapi menghubungkan kekuasaannya dengan institusi khalifah yang masih diiktiraf sebagai sumber keabsahan politik dunia Islam. Menurut Tabbāa (2021), hubungan tersebut turut disertai usaha memperkukuhkan mazhab Sunni sebagai asas penyatuan politik dan keagamaan wilayah Zankiyyah.

Selain itu, pengiktirafan Khalifah Abbasiyyah juga penting kerana Nur al-Din bukan seorang khalifah, sebaliknya merupakan pemerintah wilayah yang sedang membina kuasa dalam suasana politik berpecah-belah. Pengiktirafan itu membolehkan pemerintahannya dilihat sebagai sebahagian daripada kerangka politik Sunni yang lebih luas, di samping membezakannya daripada pemerintahan Fatimiyyah di Mesir yang berpegang kepada Syiah Ismailiyyah. Legitimasi ini kemudiannya diperkukuhkan melalui pelaksanaan keadilan dalam pentadbiran.

Pada masa yang sama, penubuhan Dār al-‘Adl di Damsyik pula memperlihatkan usaha Nur al-Din menginstitusikan prinsip keadilan. Institusi tersebut membolehkan masyarakat mengemukakan sebarang aduan termasuk terhadap pegawai dan golongan berpengaruh. Abū Shāmah (1997) dan Ibn al-Jawzī (1992) menekankan kesediaannya hadir ke mahkamah sebagai tanda kesolehan dan tanggungjawab pemerintah. Ibn al-Athīr (1987) pula menjelaskan institusi itu ditubuhkan kerana mahkamah biasa sukar mengambil tindakan terhadap panglima berpengaruh, khususnya Asad al-Din Shīrkūh dan para wakilnya. Melalui Dār al-‘Adl, Nur al-Din dapat mendengar segala aduan secara langsung, mengawal penyalahgunaan kuasa dan memastikan golongan elit tertakluk kepada autoriti pemerintah.

Hubungan Nur al-Din dengan ulama turut memperkukuhkan pemerintahannya. Ulama terlibat dalam kehakiman, pendidikan dan penyebaran ajaran Sunni, selain menjadi penghubung antara pemerintah dengan masyarakat. Sokongan ulama memberikan pengiktirafan moral kepada dasar kerajaan, manakala pemerintah menyediakan perlindungan serta bantuan kepada institusi keagamaan. Hubungan ini membentuk asas politik dan ideologi yang lebih kukuh bagi Kerajaan Zankiyyah. Selain pentadbiran dan legitimasi, kekuatan ketenteraan kekal sebagai unsur penting. Syam pada abad ke-12M sentiasa menghadapi ancaman tentera Salib dan persaingan kuasa tempatan. Ibn al-Athīr (1963; 1987) dan Usāmah ibn Munqidh (1930) menggambarkan pasukan Nur al-Din sebagai tentera yang berdisiplin dan mempunyai ketahanan tinggi. Kekuatan ini terbentuk melalui latihan, penyusunan pasukan dan pengurusan sumber ketenteraan yang terancang. Keadaan tersebut mempunyai persamaan dengan pandangan Ibn Khaldūn (1958) bahawa kekuatan pemerintahan bergantung pada disiplin organisasi dan solidariti pendukungnya. Tentera Nur al-Din bukan sahaja menghadapi ancaman luar, malah mempertahankan pusat pemerintahan dan kestabilan wilayah.

Namun, pendekatan Nur al-Din tidak hanya bergantung pada peperangan. Kütük (2019) menjelaskan dalam menghadapi kuasa Seljuk dan Artuqiyyah di sempadan utara, beliau turut menggunakan diplomasi, pakatan dan strategi mengimbangi hubungan antara kuasa serantau. Hal ini menunjukkan bahawa kekuatan politiknya terbentuk melalui gabungan tindakan ketenteraan dan pertimbangan diplomatik. Kemenangan terhadap pasukan Antioch pada tahun 1149 yang menyaksikan kematian Raymond of Poitiers meningkatkan kewibawaan Nur al-Din sebagai pemerintah yang mampu mempertahankan wilayah Islam (Gençtürk, 2018). Kemenangan tersebut bukan sahaja memberikan kelebihan ketenteraan tetapi turut meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap kepimpinannya. Dalam keadaan penduduk Syam sentiasa terdedah kepada serangan, kemampuan pemerintah memberikan perlindungan menjadi ukuran penting terhadap keabsahan kuasanya.

Penyatuan Aleppo dan Damsyik pada tahun 1154 membawa kesan besar terhadap struktur politik Kerajaan Zankiyyah. Penyatuan ini membolehkan sumber kewangan, tenaga manusia dan kekuatan ketenteraan kedua-dua wilayah diselaraskan dengan lebih berkesan (Stevenson, 1907). Selain mengurangkan persaingan antara pusat kuasa Islam, langkah tersebut

memperkokuhkan kedudukan Nur al-Din sebagai pemerintah utama di Syam. Oleh itu, kekuatan tentera bukan hanya digunakan untuk peluasan wilayah, tetapi juga untuk menyatukan pusat pemerintahan dan menjamin keselamatan kerajaan.

Penguatan politik turut disokong melalui pembangunan institusi sosial dan keagamaan. Menurut Tabbaa (2021), pembinaan masjid dan madrasah bukan sahaja memenuhi keperluan ibadah dan pendidikan, malah mengukuhkan mazhab Sunni sebagai asas politik dan keagamaan kerajaan. Dalam masyarakat yang mempunyai latar keagamaan yang pelbagai, institusi Sunni membantu membentuk identiti bersama dan mengukuhkan hubungan pemerintah dengan masyarakat. Kajian Allen (1986) dan Tabbaa (2021) menunjukkan seni bina Zankiyyah turut menjadi saluran untuk menampilkan autoriti pemerintah dalam ruang awam. Pembinaan dan pemulihan masjid, madrasah serta bangunan awam di Aleppo dan Damsyik menyediakan ruang bagi kegiatan ibadah, pendidikan dan penyebaran ilmu.

Pada masa yang sama, bangunan tersebut mencerminkan peranan pemerintah sebagai pelindung agama dan kebajikan masyarakat. Nur al-Din turut memberikan perhatian kepada kemudahan kebajikan seperti *bimaristan*. Abū Shāmah (1997) menjelaskan *bimaristan* bukan sahaja berfungsi sebagai pusat rawatan, tetapi juga sebagai tempat pendidikan dan latihan perubatan. Pembangunan tersebut menunjukkan kestabilan pemerintahan tidak hanya bergantung pada kekuatan tentera dan pengiktirafan politik, malah turut diperkokuhkan melalui penyediaan perkhidmatan awam yang memberi manfaat kepada masyarakat.

Pendekatan Nur al-Din terhadap penduduk Damsyik juga menunjukkan kepentingan penerimaan masyarakat dalam penguatan kuasa. Sebelum menguasai bandar tersebut, beliau berusaha mengelakkan peperangan sesama umat Islam dan memberikan jaminan keselamatan kepada penduduk. Menurut Alatas (2015), pendekatan ini mengurangkan penentangan dan memudahkan peralihan kuasa. Catatan Ibn al-Qalānīsī (1980) mengenai doa dan harapan penduduk Damsyik terhadap Nur al-Din turut mencerminkan keyakinan mereka terhadap kemampuannya mewujudkan keamanan. Penerimaan masyarakat tersebut dipengaruhi oleh reputasinya sebagai pemerintah yang adil, kemampuannya melindungi wilayah dan komitmennya terhadap kebajikan rakyat, sekali gus melengkapi pengiktirafan khalifah serta kekuatan tenteranya.

Implikasi terhadap Dinamika Politik Syam

Penguatan struktur politik pada zaman Nur al-Din Mahmud membawa perubahan penting terhadap dinamika politik Syam pada abad ke-12M. Implikasi tersebut dapat dilihat melalui penyusunan semula pusat kuasa, perubahan hubungan antara wilayah Islam, penguatan kedudukan politik Sunni serta pembentukan asas pemerintahan yang kemudiannya diteruskan oleh Kerajaan Ayyubiyyah. Dalam jangka pendek, penyatuan Aleppo dan Damsyik pada tahun 1154 telah mengubah susunan politik Syam yang sebelumnya terbahagi antara beberapa pusat pemerintahan. Penguasaan kedua-dua bandar tersebut membolehkan sumber kewangan, tenaga manusia dan kekuatan ketenteraan diselaraskan dengan lebih sistematik (Stevenson, 1907; Gençtürk, 2018). Kesannya, Kerajaan Zankiyyah muncul sebagai kuasa utama di Syam, manakala kedudukan Nur al-Din berubah daripada pemerintah Aleppo kepada pemimpin yang menguasai sebahagian besar wilayah tersebut. Penyatuan ini turut mengurangkan persaingan antara wilayah dan membentuk benteng yang lebih kukuh bagi menghadapi ancaman tentera Salib (Daud et al., 2018).

Pada masa yang sama, pendekatan diplomasi Nur al-Din membantu mengimbangi hubungan dengan kerajaan Islam dan kuasa serantau di sekitar Syam. Keupayaannya mengurus ancaman dari beberapa arah mengurangkan tekanan terhadap pemerintahannya dan membolehkannya memberikan tumpuan kepada pengukuhan wilayah teras Zankiyyah (Kütük, 2019). Pengukuhan institusi pentadbiran, kehakiman, pendidikan dan kebajikan pula memperluaskan fungsi kerajaan dalam kehidupan masyarakat. Kesannya, autoriti Nur al-Din tidak lagi bergantung sepenuhnya pada kekuatan tentera atau kewibawaan peribadinya sebaliknya turut disokong oleh institusi yang menghubungkan pemerintah dengan ulama dan masyarakat. Perkembangan tersebut membantu meningkatkan penerimaan rakyat, membentuk kestabilan sosial serta memperkukuhkan kedudukan politik Sunni di Syam (Allen, 1986; Tabbaa, 2004; Daud, 2015).

Kestabilan dalaman pemerintahan turut dipengaruhi oleh dasar sosioekonomi Nur al-Din. Pemansuhan cukai dan *mukus* (cukai tambahan) yang membebaskan rakyat membantu mengurangkan tekanan kewangan terhadap masyarakat. Wishah dan 'Ayyash (2021) mencatatkan beliau memansuhkan cukai yang dianggarkan bernilai 150,000 dinar ketika penduduk Syam berhadapan dengan kesan gempa bumi. Beliau juga mengarahkan kutipan yang dikenakan semula tanpa pengetahuannya dikembalikan kepada rakyat. Langkah tersebut menunjukkan keadilan fiskal dilaksanakan melalui pengawasan terhadap pegawai dan sistem kutipan sekali gus meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap pemerintahannya.

Dalam sektor pertanian, Nur al-Din memberikan kelonggaran kepada petani yang mengalami kerugian termasuk mengurangkan separuh daripada kadar sewa sebuah kebun yang dilaporkan mengalami kerosakan (Wishah & 'Ayyash, 2021). Perlindungan terhadap tanah pertanian, hasil tanaman dan hak petani membantu mengekalkan pengeluaran makanan serta sumber pendapatan masyarakat luar bandar. Dalam bidang perdagangan, beliau turut memberikan perhatian terhadap keselamatan pedagang dan laluan perdagangan, terutama apabila harta pedagang Muslim dirampas oleh pihak Frank. Dasar tersebut membantu melancarkan kegiatan ekonomi serta menghubungkan kestabilan politik dengan perlindungan terhadap mata pencarian rakyat. Pada masa yang sama, perkembangan institusi wakaf membolehkan keperluan kebajikan masyarakat ditangani secara lebih tersusun. Pembiayaan masjid, madrasah, *bimaristan* dan bantuan kepada golongan yang memerlukan telah memperluaskan fungsi kerajaan melampaui urusan pentadbiran dan pertahanan. Institusi wakaf juga membantu memastikan sebahagian perkhidmatan sosial dapat diteruskan tanpa bergantung sepenuhnya pada perbendaharaan kerajaan (Daud, 2015). Kesannya, dasar fiskal, perlindungan ekonomi dan penyediaan kebajikan saling menyokong dalam membentuk kestabilan sosial serta memperkukuhkan hubungan antara pemerintah dengan rakyat.

Seterusnya, sekiranya dilihat dalam jangka sederhana, kestabilan Syam memberikan ruang kepada Nur al-Din memperluaskan pengaruh Zankiyyah ke Mesir melalui kempen yang dipimpin oleh Asad al-Din Shirkuh. Pelantikan Salah al-Din al-Ayyubi sebagai wazir pada tahun 1169 dan berakhirnya pemerintahan Fatimiyyah pada tahun 1171 telah menghubungkan perkembangan politik Mesir dengan kepentingan Zankiyyah di Syam (Bakri & Gokaru, 2024). Pengembalian pengiktirafan kepada Khalifah Abbasiyyah turut memperluaskan pengaruh politik Sunni melampaui wilayah Syam. Perubahan tersebut membentuk keseimbangan geopolitik baharu apabila kerajaan Salib berada antara kekuatan Islam di Syam di bahagian utara dengan Mesir di bahagian selatan. Kedudukan ini menghadkan ruang peluasan kerajaan Salib dan meningkatkan tekanan ketenteraan terhadap wilayah mereka. Penyelarasan antara

Syam dengan Mesir kemudiannya menyediakan asas strategik bagi usaha menghadapi kerajaan Salib secara lebih bersepadu (Daud et al., 2018).

Dalam jangka panjang pula, dasar Nur al-Din menyediakan asas politik, institusi dan ketenteraan kepada perkembangan Kerajaan Ayyubiyyah. Salah al-Din kemudiannya meneruskan proses penyatuan Syam dan Mesir serta memanfaatkan jaringan pentadbiran, sumber kewangan dan kekuatan ketenteraan yang telah berkembang pada zaman Nur al-Din. Oleh itu, pembebasan Bayt al-Maqdis pada tahun 1187 dapat dilihat sebagai kesinambungan daripada proses pembinaan kekuatan politik yang bermula semasa pemerintahannya (Alatas, 2015; al-Sallābī, 2007). Walau bagaimanapun, perubahan susunan kuasa selepas kewafatan Nur al-Din pada tahun 1174 menunjukkan kestabilan pemerintahannya masih mempunyai batas tertentu. Sebahagian kestabilan tersebut masih bergantung pada kewibawaan pemerintah dan kerjasama para amir. Meskipun berlaku persaingan selepas kewafatannya, asas penyatuan wilayah dan jaringan politik yang dibangunkannya terus mempengaruhi perkembangan Syam pada zaman Ayyubiyyah.

Secara keseluruhannya, pemerintahan Nur al-Din telah membawa perubahan penting terhadap perkembangan politik di Syam pada abad ke-12M. Penyatuan Aleppo dan Damsyik berjaya mengukuhkan kedudukan Kerajaan Zankiyyah manakala kestabilan dalaman yang dicapai membolehkan kerajaan memberikan tumpuan kepada ancaman luar dan memperluaskan pengaruhnya ke Mesir. Dasar sosioekonomi yang dilaksanakan turut membantu meningkatkan sokongan masyarakat terhadap pemerintahan beliau. Keadaan ini menunjukkan kekuatan Kerajaan Zankiyyah bukan sahaja bergantung pada kejayaan ketenteraan, tetapi juga pada keupayaan Nur al-Din membentuk pentadbiran, institusi dan hubungan masyarakat yang lebih stabil. Asas yang dibangunkan sepanjang pemerintahannya kemudiannya menjadi antara faktor yang menyumbang kepada perkembangan politik Kerajaan Ayyubiyyah selepas kewafatannya.

Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan pengukuhan struktur politik Kerajaan Zankiyyah di Syam pada abad ke-12M banyak dipengaruhi oleh kepimpinan Nur al-Din Mahmud sebagai pemerintah. Kejayaannya tidak hanya bergantung pada kekuatan ketenteraan, tetapi turut disokong oleh keupayaan membina legitimasi politik, menyusun pentadbiran, menegakkan keadilan serta memperkukuhkan hubungan dengan institusi agama dan masyarakat. Gabungan unsur tersebut membolehkan autoriti pemerintahannya berkembang secara lebih tersusun dan memperoleh penerimaan yang lebih luas. Penyatuan Aleppo dan Damsyik pada tahun 1154 menjadi antara pencapaian utama yang mengubah keseimbangan kuasa di Syam. Penyatuan tersebut membolehkan sumber kewangan, ketenteraan dan pentadbiran diselaraskan dengan lebih berkesan, sekali gus mengurangkan perpecahan antara wilayah Islam.

Pada masa yang sama, pembangunan institusi kehakiman, pendidikan, keagamaan dan kebajikan turut membantu memperkukuhkan kestabilan dalaman serta meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap pemerintahan. Pengaruh pemerintahan Nur al-Din juga berterusan selepas kewafatannya. Asas penyatuan wilayah, jaringan ketenteraan dan hubungan politik antara Syam dengan Mesir yang dibangunkan pada zamannya menjadi landasan penting kepada kemunculan Kerajaan Ayyubiyyah di bawah Salah al-Din al-Ayyubi. Oleh itu, sumbangan Nur al-Din Mahmud perlu dinilai bukan sekadar melalui kejayaan dalam Perang Salib, tetapi juga melalui peranannya dalam membentuk struktur pemerintahan yang lebih stabil dan menyediakan asas kepada perkembangan politik Islam pada penghujung abad ke-12M.

Rujukan

- Abū Shāmah, 'A. R. Ibn I. (1997). *Kitāb al-Rawḍatayn fī Akhbār al-Dawlatayn al-Nūriyyah wa al-Ṣalāhiyyah*. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Alatas, S. A. (2015). *Biografi Agung Nuruddin Zanki*. Shah Alam: Grup Buku Karang kraf.
- Allen, T. (1986). *A Classical Revival in Islamic Architecture: The Early Schools of Aleppo and Damascus*. Wiesbaden: Reichert Verlag.
- al-Māwardī, 'A. ibn M. (1996). *The Ordinances of Government: al-Aḥkām al-Sulṭāniyya wa al-Wilāyāt al-Dīniyya*. Terj. Wahba, W. H. Reading: Garnet Publishing.
- al-Sallābī, 'A. M. (2007). *ʿAṣr al-Dawlah al-Zankiyyah wa Najāḥ al-Mashrūʿ al-Islāmī bi-Qiyādat Nūr al-Dīn Maḥmūd al-Shahīd fī Muqāwamat al-Taghalghul al-Bāṭinī wa al-Ghawz al-Ṣalībī*. Beirut: Muʾassasat Iqrāʾ li al-Nashr wa al-Tawzīʿ wa al-Tarjamah.
- Bakri, M. F. M. & Gokaru, S. O. (2024). Nur al-Din Mahmud Zanki's (1146-1174 CE) perspective on Bayt al-Maqdis: A historical overview. *Al-Muqaddimah: Online Journal of Islamic History and Civilization*, 12(2), 82-93.
- Cahen, C. (1940). *La Syrie du Nord à L'Époque des Croisades et la Principauté Franque d'Antioche*. Paris: Librairie Orientaliste Paul Geuthner.
- Daud, B. C. (2015). The application of waqf in medieval Syria: A historical survey during the period of Sulṭān Nūr al-Dīn (1146-69) and Sulṭān Ṣalāḥ al-Dīn (1169-93). Dlm. *Konsep Keusahawanan Sosial Islam: Suatu Pengenalan*, hlm. 100-122. Kota Bharu: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Daud, B. C., El-Awaisi, A. F., & Nor, M. R. M. (2018). Historical and geopolitical analysis of Nūr al-Dīn Maḥmūd Zankī's plan for liberating Bayt al-Maqdis. *Journal of Islamic Jerusalem Studies*, 18(3), 1-17.
- al-Dhahabī, M. ibn A. (1985). *Siyar Aʿlām al-Nubalāʾ*. Sunt. al-Arnaʾūt, S. & al-Asad, Ḥ. Jil. 1-25. Beirut: Muʾassasat al-Risālah.
- Gençtürk, Ç. (2018). Zengîlerin Halep hâkimiyeti. Tesis Sarjana. Mimar Sinan Güzel Sanatlar Üniversitesi, Istanbul, Turkey.
- Hillenbrand, C. (1999). *The Crusades: Islamic Perspectives*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Hodgson, M. G. S. (1974). *The Venture of Islam: Conscience and History in A World Civilization*. Jil. 1-3). Chicago: University of Chicago Press.
- Humphreys, R. S. (1977). *From Saladin to the Mongols: The Ayyubids of Damascus, 1193-1260*. Albany: State University of New York Press.
- Ibn al-ʿAdīm, 'U. ibn A. (1988). *Bughyat al-Ṭalab fī Tārīkh Ḥalab*. Sunt. Zakkār, S. Jil. 1-10. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn al-Athīr, 'A. ibn M. (1963). *al-Tārīkh al-Bāhir fī al-Dawlah al-Atābakiyyah bi al-Mawṣil*. Sunt. Ṭulaymāt, 'A. Q. A. al-Qahirah: Dār al-Kutub al-Ḥadīthah.
- Ibn al-Athīr, 'A. ibn M. (1987). *al-Kāmil fī al-Tārīkh*. Jil. 1-13. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Ibn al-Jawzī, 'A. R. ibn 'A. (1992). *al-Muntaẓam fī Tārīkh al-Mulūk wa al-Umam*. Jil. 1-18. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Ibn al-Qalānisī, H. ibn A. (1980). *The Damascus Chronicle of the Crusades*. Terj. Gibb, H. A. R. London: Luzac & Co.
- Ibn Khaldūn, 'A. R. ibn M. (1958). *The Muqaddimah: An Introduction to History*. Terj. Rosenthal, F. Jil. 1-3. Princeton: Princeton University Press.
- Kütük, A. (2019). Nureddin Mahmud Zengî'nin kuzey sınırındaki Müslüman devletlerle ilişkileri (1146-1174). *Turkish Studies*, 14(1), 495-509.
- Mayer, H. E. (1988). *The Crusades*. Terj. Gillingham, J. Oxford: Oxford University Press.

- Runciman, S. (1952). *A History of the Crusades: Vol. 2. The Kingdom of Jerusalem and the Frankish East, 1100-1187*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Sivan, E. (1967). Réfugiés Syro-Palestiniens au temps des croisades. *Revue des Études Islamiques*, 35, 135-147.
- Stevenson, W. B. (1907). *The Crusaders in the East*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Tabbaa, Y. (2021). The politics of patronage in medieval Mosul: Nur al-Din, Badr al-Din and the question of the Sunni revival. Dlm. Canby, S. R., Beyazit, D. & Rugiadi, M. (pnyt.). *The Seljuqs and Their Successors: Art, Culture and History*, hlm. 88-110. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Usāmah ibn Munqidh. (1930). *Memoirs Entitled Kitāb al-I'tibār*. Sunt. Hitti, P. K. Princeton: Princeton University Press.
- Wishah, G. M. & 'Ayyash, H. M. (2021). Al-Tatbiq al-'amali li al-huquq al-iqtisadiyyah fi al-Dawlah al-Zankiyyah. *Dawriyyat Kan al-Tarikhiyyah: al-Mustaqbal al-Raqmi li al-Dirasat al-Tarikhiyyah*, 14(51), 50-59.